MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
JABATAN KEJURUTERAAN DAN INFRASTRUKTUR AWAM

SENARAI SEMAK KEPERLUAN PELAN KERJA TANAH

√	Ada	X	Tiada	-	TidakBerkaitan

1	KEPERLUAN ASAS SETIAP HELAIAN PELAN	PSP	JKIA	CATATAN
i.	Menyediakan ruangan kosong berukuran minima 200mm x 100mm disediakan dipenjuru atas sebelah kanan (untuk kegunaan Jabatan)			
ii.	Tajuk projek ***CONTOH*** **PELAN KERJA TANAH UNTUK** (nyatakan tujuan kerja tanah untuk dilaksanakan) ..... **DI ATAS LOT** ..... **MUKIM** ..... **DAERAH**			
iii.	Nama-nama pemilik tanah, no. kad pengenalan & tandatangan			
iv.	Nama pemaju, no. lesen pemaju, alamat, no. telefon & tandatangan (beserta penama, jawatan & no. kad pengenalan)			
v.	Nama jurutera perunding, alamat, no. telefon, cop & tandatangan			
vi.	Tajuk lukisan			
vii.	Tandatangan / cop jari secara cetakan computer adalah **tidak dibenarkan**			
viii.	Semua tandatangan / cop jari yang diturunkan di atas pelan kerja tanah hendaklah asli (original)			
ix.	Semua ukuran dan aras hendaklah menggunakan SI unit (sistem matrik)			
x.	Semua warna yang digunakan diatas pelan hendaklah dibuat dengan cetakan berwarna			
2	**NOTA-NOTA & PERAKUAN YANG PERLU DICATITKAN DI ATAS PELAN KERJA TANAH**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Maklumat Am Kerja Tanah			
	(a) Keluasan kawasan kerja tanah ...(dicatatkan di atas pelan)...(m☐)			
	(b) Amaun isipadu kerja tanah :			
	i. Tambakan ...(dicatatkan di atas pelan)...(m^3)			
	ii. Potongan ...(dicatatkan di atas pelan)...(m^3)			
	(c) Tempoh jangka masa menyiapkan kerja tanah .....(dicatatkan di atas pelan) (minggu)			
ii.	Syarat-syarat Am Kerja Tanah dicatit di atas pelan (*sila rujuk lampiran 1A berkembar **untuk dicatitkan** di atas pelan kerja tanah)*			
iii.	Pengesahan dan perakuan oleh Jurutera Perunding dicatit di atas pelan (*sila rujuk lampiran 1B berkembar **untuk dicatitkan** di atas pelan kerja tanah)*			
3	**PELAN LOKASI TAPAK**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Skala minima 1:1,000			
ii.	Petunjuk arah utara & arah kiblat			
iii.	Menunjukkan sempadan & no. lot-lot sekitar (lot yang terkini dari JUPEM)			
iv.	Tapak lot permohonan (warna merah)			
v.	Jalan sedia ada bagi laluan keluar / masuk hendaklah ditunjukkan dari jalan utama sehingga ke lot permohonan			
	Jalan premix / konkrit / paving blok (warna oren)			

Scanned with CamScanner

	Jalan "crusher run" (warna kuning)			
	Sekiranya tiada jalan masuk ke tapak, sila kemukakan cadangan beserta jenis jalan yang dicadangkan (garisan putus-putus mengikut kelebaran jalan)			
vi.	Nama jalan / lorong			
vii.	Nama tempat : Kampung / Taman / Bangunan yang berdekatan lot permohonan			
viii.	No. tiang-tiang TNB disepanjang laluan keluar / masuk sehingga ke lot permohonan (sebagai rujukan laluan pergi ke tapak)			
ix.	Alur utama / alur semulajadi (warna biru tua)			
x.	Parit tanah sedia ada (warna biru tua)			
xi.	Longkang sedia ada & nyatakan jenis serta saiz (warna biru tua)			
xii.	Air buangan yang keluar dari "silt trap" hendaklah disalirkan sehingga ke "final outlet discharge" yang berdekatan dan dinyatakan jenis & saiz "final outlet discharge" yang dicadangkan			
xiii.	Air buangan yang keluar dari "silt trap" adalah **TIDAK DIBENARKAN** dibuang ke lot berjiran dan lot-lot sekitarnya			
xiv.	Laluan air buangan (warna biru muda)			
4	**PELAN TAPAK**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Skala tidak kurang 1:500			
ii.	Semua ukuran aras laras yang diukur tapak hendaklah dirujukan kepada dua (2) lokasi "Bench Mark" (BM) rasmi JUPEM yang berbeza			
iii.	Catitkan perkara sebagaimana (iii) diatas pelan tapak **Rujukan Bench Mark 1** (a) No. batu bench mark (b) Lokasi tempat rujukan (c) Ketinggian aras **Rujukan Bench Mark 2** (a) No. batu bench mark (b) Lokasi tempat rujukan (c) Ketinggian aras			
iv.	Mengadakan & menanda "Temporary Bench Mark" (TBM) pada struktur kekal berhampiran lot permohonan			
v.	Aras sedia ada / "original ground level" (O.G.L)			
vi.	Aras lot berjiran dan sekitarnya			
vii.	Aras jalan sedia ada			
viii.	Aras dasar parit tanah sedia ada / "invert level" (I.L)			
ix.	Aras longkang konkrit sedia ada / "invert level" (I.L)			
x.	Aras cadangan akhir tambakan / potongan tanah – "Finished Ground Level" (F.G.L)			
xi.	Aras siap jalan / "Finished Road Level" (F.R.L)			
xii.	Aras perangkap kelodak / "invert level" (I.L)			
xiii.	Aras parit sementara dalam lot permohonan / "invert level" (I.L)			
xiv.	Aras kolam tadahan cadangan / "invert level" (I.L)			
xv.	Garisan sempadan lot permohonan (warna merah tua)			
xvi.	Garisan sempadan pecahan petak lot (warna hitam putus-putus)			
xvii.	Kawasan tambakan (warna merah muda)			
xviii.	Kawasan potongan (warna biru muda)			
xix.	Persimpangan keluar-masuk sementara (warna kuning)			
xx.	Tapak mencuci kenderaan (warna kuning)			
xxi.	Perangkap kelodak (warna jingga)			
xxii.	Parit sementara disekeliling lot permohonan (warna jingga)			
xxiii.	Tembok penahan (warna ungu)			
xxiv.	Cerun tanah (warna hijau muda)			
xxv.	Kolam tadahan (warna merah tua)			
xxvi.	Laluan penyelenggaraan di kolam tadahan (ungu)			
xxvii.	Kawasan berumput di kolam tadahan (hijau muda)			
xxviii.	Alur utama / alur semulajadi (warna biru tua)			
xxix.	Parit tanah sedia ada (warna biru tua)			
xxx.	Longkang konkrit sedia ada (warna biru laut)			
xxxi.	Jalan sedia ada (warna jingga)			
xxxii.	Sekiranya lot permohonan terdapat alur utama / alur semulajadi yang bersambungan, satu lencongan hendaklah dibuat dengan mengambil kira keperluan			

Scanned with CamScanner

xxxiii.	Kedudukan pemasangan papan tanda projek			
xxxiv.	Kedudukan pemasangan papan tanda lalulintas			
xxxv.	Petunjuk & maksud simbol-simbol yang digunakan			
5	**PELAN KERATAN**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Skala tegak tidak kurang 1:100			
ii.	Skala datar tidak kurang 1:500			
iii.	Pelan keratan membujur			
iv.	Pelan keratan melintang			
v.	Pelan keratan di sepanjang serahan rezab jalan			
vi.	Menunjukkan sempadan lot, kawasan pecahan petak lot, kawasan serahan rezab jalan dan aras sedia ada lot bersebelahan			
vii.	Bilangan keratin hendaklah dibuat berdasarkan kepada barisan susunan pecahan petak lot yang dibuat			
viii.	Sekiranya lot bersebelahan terletak di kawasan berbukit yang belum dibuat pembangunan, sila tunjukkan keratan aras lot bersebelahan yang paling tinggi			
ix.	Cadangan aras di bahagian serahan rezab jalan hendaklah diselaraskan dengan aras laluan masuk ke setiap pecahan petak lot dan diselaraskan dengan aras sambungan jalan sedia ada (kecerunan minima 1:12)			
6	**PELAN PERINCIAN**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Skala tidak kurang 1:50			
ii.	Tapak mencuci kenderaan			
iii.	Perangkap kelodak			
iv.	Cadangan parit sementara			
v.	Cadangan parit air buangan			
vi.	Tembok penahan			
vii.	Cerun tanah			
7	**PELAN PAPAN TANDA PROJEK KERJA TANAH**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Permukaan paparan hendaklah mengandungi perkara tersebut: (a) Tajuk Kerja Tanah (termasuk no. lot, mukim & daerah) (b) Nama, alamat & no. telefon pemilik / pemaju (c) Nama, alamat & no. telefon jurutera perunding (d) No. surat rujukan dan tarikh kelulusan			
ii.	Paparan papan tanda yang dicadangkan hendaklah dibuat dengan saiz minima 900mm (lebar) x 1500mm (panjang)			
iii.	Warna paparan papan tanda (warna putih)			
iv.	Tulisan papan tanda (warna hitam)			
v.	Saiz tulisan bergantung kepada kesesuaian perkataan (memenuhi ruangan paparan) dan hendaklah dilihat dengan jelas			
vi.	Tinggi papan tanda dari aras tanah ke paparan paling bawah hendaklah minima 1800mm			
vii.	Bahan-bahan yang digunakan hendaklah tahan lasak dan tidak mudah rosak / patah			
viii.	Mengemukakan perincian dan spesifikasi cadangan papan tanda			
8	**PELAN PAPAN TANDA SEMENTARA KAWALAN ISYARAT LALULINTAS**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Semua pelan papan tanda sementara kawalan isyarat lalulintas yang dicadangkan hendaklah mengikut sebagaimana spesifikasi dan arahan teknik JKR			
9	**PELAN TOPOGRAFI / PELAN KONTUR**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Menunjukkan aras sedia ada dalam lot permohonan & aras lot-lot yang bersempadanan dengannya			
ii.	Menunjukkan aras jalan sedia ada yang berdekatan dengan lot permohonan			
iii.	Rujukan "Bench Mark" (BM) rasmi dari JUPEM yang berdekatan dengan lot permohonan beserta No. Rujukan & Nilai Aras			
iv.	Pelan kontur pada setiap 1.5 meter perlu dikemukakan sekiranya lot permohonan terletak di kawasan tanah berbukit & bercerun			
10	**PELAN KEBENARAN MERANCANG (SUSUN ATUR / PENDIRIAN BANGUNAN)**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Dibuat sebagaimana format pelan kebenaran merancang yang dikemukakan secara serentak bersama permohonan pelan kerja tanah ini / sesalinan pelan kelulusan sebagaimana yang telah diluluskan secara berasingan			
11	**SIMPANG JALAN KELUAR-MASUK SEMENTARA**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**

Scanned with CamScanner

i.	Diadakan di persimpangan jalan keluar masuk sementara di antara lot permohonan (selepas kolam basuh tayar / "wash trought" dan disambung sehingga ke jalan sedia ada yang berdekatan			

ii.	Temporary heavy-duty interlocking concrete pavers - *Sekiranya lot permohonan terletak dalam kawasan pusat Bandar atau yang setaraf dengannya*			
iii.	Konkrit atau berturap - *Sekiranya lot permohonan terletak bersebelahan jalan utama / kawasan perumahan*			
iv.	Crusher run - *Sekiranya lot permohonan tidak bersambungan dengan jalan premix sedia ada dan sambungan crusher run dari lot permohonan hendaklah dibuat sehingga ke jalan premix yang sedia ada*			
v.	Ukuran minima simpang jalan keluar-masuk sementara hendaklah sekurang-kurangnya 3.5 meter lebar dan 10.0 meter panjang maksima dalam lot permohonan			
vi.	Laluan sementara melalui lot bersebelahan adalah **TIDAK DIBENARKAN**			
12	**TAPAK MENCUCI TAYAR KENDERAAN (WASH TROUGHT)**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Tapak hendaklah diadakan dalam lot permohonan pada sambungan laluan simpang keluar / masuk sementara			
ii.	Tapak hendaklah menggunakan jenis konkrit bertetulang			
iii.	Aras tapak hendaklah 300mm minima lebih rendah dari aras permukaan tanah di sekeliling tapak			
iv.	Laluan tayar kenderaan hendaklah 300mm minima lebih tinggi dari aras saluran air keluar			
v.	Saluran air keluar dari tapak hendaklah bersambungan ke perangkap kelodak			
vi.	Paip semburan jenis "water jet" hendaklah disediakan bagi mencuci tayar kenderaan yang keluar masuk			
13	**KOLAM PERANGKAP KELODAK (SILT TRAP)**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Saluran air keluar hendaklah melalui sistem penapisan			
ii.	Laluan air bagi alur limpah kecemasan (emergency spillway) hendaklah disediakan			
iii.	Sistem pencegahan hakisan tebing kolam hendaklah diadakan			
14	**SEMPADAN KERJA TANAH**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Kerja tanah melepasi garisan sempadan adalah tidak dibenarkan			
15	**TEMBOK PENAHAN**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Perlu dibina di sepanjang **sempadan pecahan petak lot** yang berlainan aras tambakan / potongan			
ii.	Perlu dibina di sepanjang sempadan lot berjiran yang berbeza ketinggian aras tambakan / potongan			
iii.	Perlu dibina di sepanjang sempadan serahan rezab jalan yang berhadapan dengan cadangan pecahan petak lot yang berbeza aras tambakan / potongan			
iv.	Tembok penahan **TIDAK DIBENARKAN** dibuat lebih tinggi dari **aras potongan** tanah (aras siap jalan) dalam kawasan serahan rezab jalan yang menghadap lot berjiran			
v.	Tembok penahan **TIDAK DIBENARKAN** dibuat lebih tinggi dari **aras tambakan** (aras siap jalan) kawasan serahan rezab jalan yang menghadap lot berjiran			
vi.	Tembok penahan melebihi ketinggian 1.0 meter hendaklah dibuat dengan konkrit bertetulang			
vii.	Tembok penahan ketinggian kurang 1.0 meter hendaklah menggunakan dinding batu bata setebal 225mm (minima) yang dilepa dengan simen mortar setebal 25mm (minima)			
viii.	Tembok penahan yang melebihi 3.0 meter perlu dibina secara bertingkat (staggered) setiap 3.0 meter tinggi dengan jarak anjakan sebanyak 1.0 meter			
ix.	Asas tembok penahan hendaklah tidak masuk ke sempedan lot berjiran			
x.	Saluran lubang leleh (weep holes) atau saliran sub tanah (subsoil drain) hendaklah disediakan			
xi.	Tembok krib (crib wall) / tembok batu rambang (rubble wall) / tembok cerucuk keeping (sheet pile wall) adalah tidak dibenarkan			
xii.	Semua cadangan reka bentuk tembok penahan hendaklah mengambil kira keperluan kecerunan minima 1:12 laluan masuk bagi sambungan serahan rezab jalan ke setiap cadangan pecahan petak lot dan sambungan ke jalan			

Scanned with CamScanner

	sedia			

xiii.	Semua cadangan tembok penahan hendaklah diselaraskan dengan pelan kebenaran merancang (susun atur pecahan petak lot) bagi mencukupkan jarak anjakan pembinaan pembangunan			
16	**CERUN TANAH**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Cerun tanah adalah **TIDAK DIBENARKAN** dibuat di atas kawasan serahan rezab jalan			
ii.	Semua cadangan cerun tanah hendaklah diselaraskan dengan pelan kebenaran merancang (susun atur pecahan petak lot) bagi mencukupkan kelebaran aras secara mendatar pada bahagian serahan rezab jalan bagi tambakan / potongan tanah yang dijalankan			
iii.	Ketinggian maksima cerun tanah hendaklah 4.0 meter bagi potongan dan 3.0 meter bagi tambakan			
iv.	Kecerunan tanah hendaklah 1:1 bagi potongan 1:2 bagi tambakan			
v.	Cerun tanah hendaklah ditanam rumput rapat-rapat (close turfing) dengan serta-merta			
vi.	Saliran tanggam (berm drain) jenis konkrit hendaklah diadakan			
vii.	Zon keselamatan (safety zone) mendatar yang diukur dari kaki cerun atau rabung ke garisan sempadan lot dari persendirian hendaklah diadakan seperti berikut:			
	(a) Bagi cerun tanah semulajadi yang dikekalkan, lebar zon penampan hendaklah mengikut ketinggian cerun			
	(b) Bagi cerun batuan semulajadi yang dikekalkan, lebar zon penampan hendaklah mengikut ketinggian cerun			
	(c) Bagi cerun tanah yang direkabentuk mengikut pelan, lebar zon penampan hendaklah 2/3 ketinggian cerun			
	(d) Bagi cerun batuan yang direkabentuk mengikut pelan, lebar zon penampan hendaklah mengikut ketinggian cerun			
17	**LAPORAN-LAPORAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN**	**PSP**	**JKIA**	**CATATAN**
i.	Laporan pencegahan banjir			
ii.	Laporan kestabilan cerun			
iii.	Perkiraan perangkap kelodak			
iv.	Perkiraan tembok penahan			
v.	Perkiraan kolam tadahan			

Scanned with CamScanner

LAMPIRAN 1A

PERHATIAN:

Semua nota-nota berikut hendaklah dicatitkan dengan jelas di atas pelan kerja tanah yang dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)

SYARAT-SYARAT UMUM KERJA TANAH:

1. **Seberang aktiviti kerja tanah ditapak tidak boleh dijalankan / dimulakan SEBELUM pelan kerja tanah ini diluluskan, dicop & ditandatangani oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) secara rasmi.**
2. Kelulusan pelan kerja tanah yang dikeluarkan oleh MBKT adalah selama tempoh Dua Belas Bulan (1 tahun) dari tarikh kelulusan sebagaimana yang telah dicop di atas pelan ini.
3. Sekiranya kerja tanah belum dimulakan dalam tempoh sebagaimana di perkara (2) di atas, pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) berhak untuk membatalkan kelulusan pelan tersebut dan selepas itu permohonan baru tersebut dibuat.
4. Semua pelaksanaan pembinaan kerja tanah hendaklah dibuat sebagaimana pelan yang telah diluluskan secara rasmi oleh MBKT.
5. Sebelum kerja tanah hendak dimulakan, papan tanda kerja tanah hendaklah didirikan dalam lot permohonan.
6. Temporary Bench Mark (TBM) hendaklah ditanda dengan jelas ditapak sebagaimana yang tercatit di atas pelan kerja tanah.
7. Semua kerja tanah hendaklah dijalankan dalam cuaca yang kering / panas.
8. Waktu operasi kerja tanah YANG DIBENARKAN adalah:
   Ahad – Khamis : 8.00 pagi hingga 6.00 petang
   (Jumaat, Sabtu & cuti umum kerja tanah tidak dibenarkan)
9. Mematuhi segala syarat-syarat yang dikehendaki oleh Jabatan Perancang Bandar MBKT, Pejabat Tanah Daerah, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar.
10. Mengadakan parit pada paras tanah sedia ada di sekeliling kawasan lot permohonan sebelum kerja tanah bermula dan menyelenggaranya sehingga kerja tanah itu siap.
11. Membersih sistem peparitan / parit-parit tepi jalan sedia ada dari lumpur yang mengalir keluar dari kawasan kerja tanah dengan kos perbelanjaan ditanggung oleh pemilik / pemaju projek ini.
12. Parit / anak sungai / sungai sedia ada tidak dibenarkan ditambun / dikambus sehingga laluan lain diadakan dan akan membaikpulih / membersihkan jalan lain laluan jalan yang rosak disebabkan oleh kerja tanah yang dilaksanakan.
13. Tidak dibenarkan menutup mana-mana jalan laluan sedia ada sehingga laluan lain diadakan dan akan membaikpulih / membersihkan laluan jalan yang rosak disebabkan kerja tanah yang dilaksanakan.
14. Membina kolam pemendapan dan kolah / takungan air cetek sebelum kerja tanah dijalankan dan membersihkan / membuang lumpur dari semasa ke semasa.
15. Menjalankan kerja tanah dengan cara yang tidak mengganggu kehidupan orang ramai dan bantahan dari penduduk-penduduk / tuan-tuan tanah di lot bersebelahan / berdekatan.
16. Semua bentuk kerja tanah hendaklah dicadangkan di dalam lot permohonan, sekiranya ada cadangan kerja tanah melibatkan lot bersebelahan, kebenaran secara

Scanned with CamScanner

bertulis daripada tuan tanah yang sah hendaklah diperolehi dan disertakan bersama sesalinan keterangan geran tanah.

17. Aras tambakan / potongan kerja tanah hendaklah dibuat sebagaimana Platform Level yang diluluskan dalam pelan kerja tanah ini.
18. Semua lori yang digunakan untuk menjalankan kerja tanah ini hendaklah ditutup rapat dengan kanvas dan diikat dengan kemas.
19. Semua kenderaan keluar dari tapak kerja tanah hendaklah melalui kolam takungan terlebih dahulu.
20. Tayar kenderaan keluar ke tapak lot kerja tanah hendaklah dicuci dengan menggunakan semburan paip "water jet" dan pastikan bebas dari sisa kekotoran sebelum keluar dari tapak.
21. Jalan-jalan yang digunakan untuk menjalankan kerja tanah ini hendaklah bersih dari segala kekotoran dan sisa-sisa tanah dan jika ada tumpuhan sisa kekotoran tersebut hendaklah dibersihkan / dicuci dengan serta merta.
22. Pencegahan debu / habuk hendaklah dikawal semburan "water jet". Sekiranya keadaan sudah tidak boleh dikawal, kerja-kerja tanah hendaklah dihentikan serta merta sehingga kawalan tersebut dapat diatasi sepenuhnya.
23. Untuk langkah keselamatan, seluruh kawasan yang terdedah yang menjalankan kerja-kerja penggalian untuk asas perlulah dipagar dan meletakkan tanda-tanda untuk melarang orang yang tidak berkenaan memasuki kawasan tersebut.
24. Mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya di dalam kawasan kerja tanah.
25. Semua permukaan cerun tanah terdedah (exposed earth slope) hendaklah ditanam rumput rapat-rapat (closed turfing) dengan serta merta dan semua permukaan tanah pamah yang terdedah hendaklah ditanam rumput bertapak-tapak (spot turfing) sebaik sahaja kerja tanah itu disiapkan.
26. Mengadakan segala perlindungan dan penyelenggaraan yang perlu terhadap kerja tanah dijalankan khususnya akibat kemasukan air ke dalam lot berjiran daripada air hujan, air larian, mata air dan anak-anak sungai. Pastikan penyelenggaraan dan perlindungan sentiasa dilaksanakan.

Scanned with CamScanner

LAMPIRAN 1B

PERHATIAN:

Semua nota-nota berikut hendaklah dicatitkan dengan jelas di atas pelan kerja tanah yang dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)

PERAKUAN DAN PENGESAHAN OLEH JURUTERA PERUNDING:

1. Saya memperakui bahawa pelan kerja tanah & pelaksanaan kerja tanah adalah mengikut Undang-undang Kerja Tanah (Majlis Bandaraya Kuala Terengganu) 2014.
2. Saya memperakui bahawa pelan-pelan kerja tanah ini adalah disediakan mengikut tata amalan (CP British Standard) seperti berikut dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas rekabentuk serta pengawalan kerja-kerja tanah yang dijalankan di tapak bina.

Penyiasatan Tapak (Site Investigation)	CP 2001
Kerja Tanah (Earthworks)	CP 2003 (BS 6031)
Asas Tapak (Foundation)	CP 2004 (BS 8004)
Earthworks Retaining Structure	CP 2 (BS 8002)
Asas Tapak dan Bina Galas (Foundation & Sub-structure)	CP 101

3. Saya memperakui bahawa semua aras yang ditunjukan di atas pelan ini adalah benar dan betul dan telah diselaraskan dengan Paras Ordinan Ukur (S.O.D) sebagaimana yang dicatit / ditunjukkan di atas pelan ini.
4. Saya memperakui bahawa semua butiran konkrit tertulang yang dikemukakan adalah menurut Kod Amalan Piawaian British BS 8110 dan saya menerima sepenuhnya segala tanggungjawab ke atas rekabentuk dan pengawasan kerja tanah ini.
5. Saya memperakui rekabentuk kolam / takungan air cetek terutama asas konkritnya yang direkabentuk berupaya untuk menampung air pada paras yang bersesuaian.
6. Saya mengesahkan bahawa cerun tanah dan tembok penahan yang dicadangkan berupaya menanggung tekanan dan mengakujanji bahawa kerja-kerja yang dibuat ditapak akan menepati / mematuhi pelan kerja tanah yang diluluskan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
7. Saya memperakui bahawa pembangunan yang dicadangkan ini tidak akan mempengaruhi sistem pengairan sedia ada di kawasan ini dan sekitarnya.
8. Saya memperakui setelah kerja tanah ini diluluskan oleh MBKT, Borang B (Notis Memulakan Kerja) Jadual Kedua Undang-undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Bandaraya Kuala Terengganu) 2014 yang lengkap akan dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan & Infrastruktur Awam, MBKT dalam masa 7 hari bekerja sebelum kerja tanah dilaksanakan di tapak bina.
9. Saya mengaku akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesan-kesan alam sekitar, pencemaran air, pencemaran udara, hakisan, tanah runtuh dan apa-apa yang berkaitan dengannya akibat daripada kerja tanah tersebut.
10. Saya akan bertanggungjawab atas pelaksanaan dengan sempurna bagai kerja tanah itu dan akan terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerja tanah itu melainkan jika dengan persetujuan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), seorang Jurutera lain dilantik untuk mengambil alih atau MBKT bersetuju Jurutera itu menarik diri.

Scanned with CamScanner

11. Saya memperakui bahawa paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk itu tidak akan membangkitkan kemarahan atau kacau ganggu kepada penduduk sekeliling dan disahkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
12. Saya memperakui bahawa apa-apa perendahan mata air tidak akan menyebabkan kerosakan matan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain disekelilingnya dan disahkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
13. Saya akan memastikan bahawa cerun-cerun sentiasa dalam keadaan baik, stabil dan juga dapat mengesan tanda-tanda awal sesuatu kegagalan.
14. Saya akan pastikan cerun akan ditutupi dengan tumbuhan (rumput) atau liunite / shorcrete supaya tidak berlaku hakisan.
15. Sekiranya pemilik / pemaju tidak mematuhi syarat-syarat umum dan spesifikasi kerja sebagaimana yang tercatit di atas pelan ini semasa kerja tanah ini dijalankan, saya akan memberikan Amaran secara lisan terlebih dahulu kepada Pemilik / Pemaju.
16. Sekiranya perkara bilangan (15) di atas tidak diendahkan oleh Pemilik / Pemaju, saya akan mengeluarkan Notis Amaran secara bertulis kepada Pemilik / Pemaju supaya mematuhi Syarat-syarat Kelulusan dan sesalinan Notis akan dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan & Infrastruktur Awam, MBKT.
17. Saya memperakui setelah kerja-kerja tanah ini siap dilaksanakan sepenuhnya di tapak, saya akan kemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan & Infrastruktur Awam, MBKT.
    (a) Borang C (Notis Tamat Kerja) Jadual Kedua Undang-undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Bandaraya Kuala Terengganu) 2014 yang lengkap.
    (b) Dua (2) set "As Built Drawing" yang menunjukkan aras siap kerja tapak di tapak dalam lot permohonan.
    (c) Satu (1) set kertas laporan bergambar (warna) yang menunjukkan pada empat (4) sudut arah yang berbeza, yang menunjukkan gambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja tanah yang dijalankan.

.....

Tandatangan Dan Cop Jurutera Perunding

Scanned with CamScanner

PERHATIAN:

Semua nota-nota berikut hendaklah dicatitkan dengan jelas di atas pelan kerja tanah yang dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)

PERAKUAN OLEH PEMILIK-PEMILIK / PEMAJU:

1. Saya / kami akan membenarkan mana-mana Pegawai Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (pegawai yang berkaitan dengan urusan & tugasan kerja tanah) dengan menunjukkan kad identiti kerja untuk memasuki / memeriksa dalam kawasan kerja tanah yang dijalankan pada bila-bila masa.
2. Saya / kami akan mematuhi semua syarat-syarat umum sebagaimana yang dicatitkan di atas pelan kerja tanah ini.
3. Sekiranya ada kerosakan kepada jalan, longkang, parit atau harta-harta awam / individu akibat kerja tanah yang dijalankan, saya / kami akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaikpulih kerosakan tersebut dengan serta merta sebagaimana asal atau membayar segala kos ganti rugi atau kedua-duanya sekali.
4. Sekiranya ada di antara syarat-syarat di atas gagal dipatuhi oleh saya / kami, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu berhak untuk mengeluarkan Notis Kompaun / Tindakan Pendakwaan atau kedua-duanya sekali kepada saya / kami.

.....

Tandatangan Pemilik-pemilik / Pemaju

(beserta nama & no. kad pengenalan)

Scanned with CamScanner